

Kertas 3 Set 3

Merujuk Tema 7: Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 4 Bab 2

TUGASAN SPESIFIK

Peningkatan tamadun berkait secara langsung dengan kemahiran menghasilkan idea-idea baru dalam memajukan dan meningkatkan cara hidup dalam aspek sosial, politik dan ekonomi. Huraikan peningkatan dan sumbangan tamadun awal dunia dalam aspek politik dan hubungkaitnya dengan kemajuan negara Malaysia pada hari ini.

Format	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan maksud peningkatan tamadun.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Latar belakang tamadun Yunani dan Rom	10 markah
	3. Jelaskan sumbangan tamadun Yunani dalam aspek politik kepada tamadun dunia hari ini.	15 markah
	4. Terangkan peningkatan politik dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran tamadun berikut : (i) Tamadun Yunani (15m) (ii) Tamadun Rom (15 m)	30 markah
	5. Demokrasi berparlimen diamalkan demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum. Sejauh manakah keberkesanan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum?	10 markah
	6. Malaysia telah mencapai tamadun yang tinggi dalam bidang sosial setanding dengan negara-negara maju di dunia. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.	10 markah
	7. Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam memantapkan kestabilan politik demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju dan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran di atas.	10 markah
	8. Nyatakan nilai-nilai murni dan iktibar daripada sumbangan dalam aspek politik yang boleh diterapkan demi kemajuan negara kita.	5 markah
	Kesimpulan	9. Kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan : (a) Pengetahuan yang diperolehi. (b) Iktibar kepada diri, bangsa dan negara. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.

KERTAS SOALAN TAMAT